

# Penyokong BN diminta jangan emosi

**BN 15 OCT 2002**  
Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Rakyat terutama penyokong Barisan Nasional (BN) dinasihatkan supaya jangan terlalu emosi dalam menghadapi isu tertentu, terutama berhubung cadangan menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, cadangan kerajaan itu bukan untuk menganiayai mana-mana pihak, tetapi untuk melihat rakyat pelbagai kaum bergerak secara seimbang dalam mencapai kemajuan pendidikan.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus menerima hakikat bahawa perkembangan sains dan teknologi sekarang menuntut mereka melakukan perubahan dalam mendidik anak-anak sebagai bangsa berpengetahuan pada masa akan datang.

"Dalam apa juga keputusan yang kita buat terutama dalam BN, kita buat secara muafakat, bukan ikut kehendak Umno saja

atau MCA, MIC dan Gerakan. Kita runding supaya keputusan diterima semua.

"Jika kita terlalu mengutamakan parti kita, BN tidak akan berjaya. Kita runding dengan fikiran yang waras tanpa dipengaruhi emosi. Oleh itu, kita harus bertenang dan walaupun kita perlu mempunyai emosi dan perasaan sayang kepada sesuatu, tapi fikirilah dengan bijak.

"Jangan biarkan emosi mengabui fikiran kita ketika membuat keputusan," katanya ketika merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di Pusat Dagingan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata masyarakat bebas mengamalkan budaya, agama dan bahasa ibunda masing-masing.

Bagaimanapun beliau berkata, dengan perkembangan ilmu yang pesat, setiap kaum harus melakukan pengorbanan demi memastikan rakyat tidak terus ketinggalan.

"Kita tahu ini zaman sains dan teknologi dengan ilmu hisab (matematik) menjadi satu pelajaran penting yang kita boleh belajar dalam bahasa sendiri. Tetapi perkembangan ilmu dalam bahasa lain begitu pesat sekali sehingga kita tidak boleh belajar," katanya.

Katanya, buku dan jurnal dalam pelbagai bidang yang ditulis pakar masing-masing banyak dikeluarkan tetapi terbatas kepada masyarakat negara ini kerana ia ditulis dalam bahasa Inggeris.

"Saya akui kita punyai perkataan yang cukup untuk terjemahan dan kalau tidak cukup kita boleh cipta perkataan.

"Tetapi untuk cipta perkataan kita perlu tiga kemahiran iaitu jika kita nak terjemah dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, kita mesti pakar dalam bahasa Inggeris, pakar dalam bahasa Melayu dan akhirnya pakar dalam bidang berkenaan.

"Kita boleh buat, tapi apakah kita boleh terjemah semua ilmu yang sedang

diguna sekarang?" katanya.

Beliau juga membidas sikap sesetengah pihak yang kononnya bimbang anak-anak mereka akan hilang identiti bangsa kerana belajar bahasa Inggeris.

"Kita tidak akan jadi orang putih kerana anak-anak kita belajar bahasa Inggeris," katanya sambil memberi contoh diri beliau sendiri yang melalui alam pendidikan aliran Inggeris tetapi masih kekal dengan sifat kemelayuan.

Dr Mahathir berkata sekiranya perubahan tidak dilakukan, hasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 tidak akan tercapai.

"Kalau kita jadi pun hanya separuh saja, separuh lagi akan terus miskin," katanya.

Dalam sidang akhbar kemudian, beliau berkata setiap parti politik yang menyertai BN memegang kepada semangat BN iaitu tolong menolong, bukan menikam daripada bela-

kang seperti yang pernah dilakukan Pas ketika menyertai gabungan itu pada 1970-an.

"Malangnya, Pas semasa berada dalam BN, menggunakan peluang itu untuk parti Pas saja. Apabila pemimpin Pas dijadikan Menteri, dia berusaha untuk menarik sokongan kepada parti Pas.

"Sebab itu semasa pemimpin Pas jadi Menteri Tanah yang diberi tanggungjawab mengenai urusan Felda, tiba-tiba kita da-

pati Felda yang dulu 100 peratus sokong kerajaan, menentang kerajaan.

"Ini kerana semasa Pas berada dalam BN, Pas pernah memberi penjelasan bahawa BN ini tidak Islam dan mereka perlu sokong parti Pas, kerana parti Pas Islam.

"Sebab itu hari ini kita dapati keadaan cukup pelik. Orang yang mendapat banyak nikmat daripada pentadbiran BN, Perikatan dulu, sekarang ini mereka lah yang menentang," ka-

tanya.

Sebaliknya, kata beliau, orang yang tidak dapat peluang untuk menjadi peneroka, mereka terus menyokong kerajaan dan sebab itu Pas terpaksa dikeluarkan daripada BN.

Dr Mahathir juga berkata, anggota parti komponen BN kini kerap mengadakan mesyuarat berbanding dulu apabila mereka cuma bertemu apabila menghadapi pilihan raya semata-mata untuk mengagihkan kerusi.